

Pendaftaran penerima vaksin dibuka 1 Mac

Putrajaya: Proses pendaftaran sebagai penerima vaksin COVID-19 mula dibuka 1 Mac, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, pendaftaran itu boleh dibuat menerusi lima kaedah, antaranya melalui aplikasi MySejahtera, laman sesawang, melalui panggilan, selain individu dikenal pasti untuk

mendapatkan vaksin terbabit.

Selain vaksin keluaran Pfizer dan BioNTech yang mula diperoleh Ahad ini, Dr Noor Hisham berkata, tiga lagi syarikat pengeluar vaksin sudah menghantar dos kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) iaitu Sinovac, Sputnik V dan AstraZeneca.

"NPRA masih menjalankan penilaian terhadap keberkesa-

nan dan kesan sampingan ke-tiga-tiga vaksin, terutama membabitkan kajian klinikal fasa tiga," katanya menambah, NPRA juga sudah menghantar maklum balas dan soalan kepada pengeluar Sputnik V, iaitu Gamelaya Research Institute membabitkan dossier yang dihantar.

Sejumlah 312,390 dos vaksin Pfizer fasa pertama dijangka tiba

di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Ahad ini, dengan Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan akan dilaksanakan melalui tiga strategi, bermula dengan petugas barisan hadapan pada 26 Februari hingga April.

Strategi kedua adalah mengurangkan beban penyakit kepada kumpulan berisiko tinggi supaya

mereka terlindung daripada jangkitan COVID-19, sekali gus mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam.

Strategi ketiga pula untuk kawalan wabak dengan pemberian vaksin dijalankan sepanjang fasa dua dan tiga di kawasan kluster berisiko tinggi melalui penilaian risiko bagi mengawal penularan penyakit.